

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]**

TARIKH : 17 JUN 2015

SOALAN :

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta MENTERI SUMBER
ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan :-**

- a) Apakah rasional membenarkan pembangunan ladang-ladang dalam hutan terwarta; dan

- b) Kenapakah ladang-ladang kayu di dalam Hutan Simpan Kekal terus dihitung sebagai kawasan berhutan sedangkan daripada sudut saintifik, ladang kayu bukanlah hutan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) Penubuhan Ladang hutan adalah selaras dengan kehendak Dasar Perhutanan Negara (DPN) 1978 (Pindaan 1992) yang menekankan kepentingan penubuhan ladang hutan untuk menampung bekalan mentah untuk industri pemprosesan berasaskan kayu-kayuan serta menggalakkan pelaburan sektor swasta yang aktif dalam penubuhan dan pembangunan ladang hutan. Ladang Hutan dalam Hutan Simpan Kekal terus dihitung sebagai kawasan berhutan kerana termasuk dalam Seksyen 10(1)(a) Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) hutan pengeluaran kayu di bawah perolehan berkekalan.

(b) Di bawah Food & Agriculture Organisation (FAO), Ladang Getah adalah termasuk dalam definisi '*forest cover*'. Penubuhan Ladang-Ladang Getah seperti Timber Latex Clon (TLC) di dalam HSK adalah ditakrifkan sebagai kawasan berhutan.

Sekian, terima kasih.